

Kebebasan
beragama
hasil
kestabilan
negara:

Dr Fong

BH 19 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Khamis
– Rakyat harus berterima kasih dan menghargai kebebasan beragama dan mengamalkan budaya masing-masing, kata Naib Presiden MCA, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Beliau berkata kebebasan itu dinikmati hasil kestabilan dan keamanan negara di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Keyakinan masyarakat terhadap kerajaan sedia ada terbukti dengan kepercayaan mereka mengundi BN secara berterusan sejak negara mencapai kemerdekaan.

“Jelaslah perpaduan dan keharmonian rakyat yang berbilang bangsa di negara ini hanya dapat dikekalkan menerusi BN yang dianggotai gabungan parti politik mewakili masyarakat pelbagai kaum.

“Kesinambungan tradisi BN ini hams diteruskan bagi menjamin ketuhanan perpaduan masyarakat.” katanya pada perasmian bangunan Persatuan Buddhist Subang Jaya sempena Hari Wesak, hari ini.

Dr Fong, yang juga Menteri Sumber Manusia, berkata pusat keagamaan memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak masyarakat, sekali gus menjadi senjata utama dalam membanteras pelbagai gejala sosial.